

16 NOV 1999

Annuar-Manifesto

KELANTAN ADA MANIFESTO TAMBAHAN, KATA ANNUAR

KUALA LUMPUR, 16 Nov (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) Kelantan akan mempunyai manifesto tambahan selain daripada manifesto BN peringkat nasional bagi pilihan raya umum ke-10 ini.

Pengerusi BN Kelantan Datuk Annuar Musa berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Pengerusi BN telah memberi persetujuan bagi Kelantan, Sabah dan Sarawak mempunyai manifesto tambahan meliputi perkara yang berhubungkait dengan negeri masing-masing.

Beliau berkata selain daripada isu kemiskinan, BN Kelantan akan memberi tumpuan kepada isu prasarana asas seperti masalah bekalan air, tanah dan pemilikan geran tanah serta sistem percukaian.

"Kita harap rakyat Kelantan akan memberi peluang kepada BN memerintah negeri itu dan BN berjanji akan melaksanakan manifestonya," katanya kepada pemberita sebelum mengadakan perbincangan dengan pengarah-pengarah Kemas negeri di pejabatnya di sini, hari ini.

Annuar, Menteri Pembangunan Luar Bandar, berkata bahawa BN juga akan membentuk sebuah kerajaan yang akan mendapat sokongan serta kerjasama daripada semua pihak termasuk institusi istana, agama, pegawai dan kakitangan kerajaan serta kerajaan pusat.

"Sokongan dan kerjasama semua pihak penting untuk mentadbir dan melancarkan sistem pentadbiran negeri, yang selama ini tidak dimiliki PAS," katanya.

Mengenai persiapan jentera pilihan raya negeri itu, Annuar berkata persiapan rapi dengan 10,000 tenaga utama telah dibuat dan kini sudah sedia untuk menjalankan tugas masing-masing.

Sambil menyatakan keyakinan yang BN akan membentuk kerajaan di Kelantan, beliau berkata senarai bakal calon, yang merupakan yang terbaik bagi Kelantan, telah dikemukakan untuk pertimbangan Dr Mahathir.

"Kita kemukakan satu barisan calon yang difikirkan terbaik untuk bertanding pada pilihan raya. Tidak ada satu kawasan pun yang diletakkan calon sambil lewa termasuk di kubu terkuat PAS, Pengkalan Chepa," katanya.

Beliau berkata calon-calon yang dikemukakan turut mengambil kira pandangan daripada peringkat bahagian serta pihak lain bagi memastikan calon berkenaan boleh membentuk kerajaan yang baik dan kuat serta melaksanakan manifesto BN.

Mengenai perbincangannya dengan pengarah Kemas, Annuar berkata ia bertujuan memantau perkembangan pelaksanaan dasar-dasar kerajaan di samping memberi tumpuan kepada masalah penyebaran fitnah dan pembohongan, khususnya di luar bandar.

Katanya, imej kerajaan perlu dipertahankan dan Kemas sebagai satu-satunya institusi pembangunan yang berhubung rapat dengan masyarakat luar bandar perlu memastikan setiap dasar kerajaan dilaksanakan dan memberi penjelasan bagi menangani isu-isu yang ditimbulkan.

"Dalam keadaan sekarang dengan pilihan raya semakin hampir, banyak pembohongan dan fitnah dilemparkan dan tertumpu di kampung-kampung. Ia tidak boleh dipandang ringan kerana ia bukan soal parti politik semata-mata. Tetapi sebagai institusi kerajaan, tidak ada apa yang boleh menghalang Kemas untuk mempertahankan kerajaan," katanya.

Annuar berkata seramai 14,000 kakitangan Kemas di seluruh negara akan bersungguh-sungguh memberi penjelasan dan menangani fitnah serta pembohongan yang dilemparkan terhadap kerajaan.

"Kemas sebagai satu institusi, tidak secara langsung terlibat dalam

parti politik tetapi Kemas dan anggotanya adalah anggota kerajaan yang komited untuk mempertahankan dasar-dasar kerajaan," katanya.

Annuar berharap kakitangan Kemas akan melipatgandakan usaha serta lebih peka dan responsif dengan unsur-unsur fitnah yang semakin berleluasa disebarkan dalam pelbagai bentuk sama ada surat layang, menerusi Internet dan ceramah.

-- BERNAMA

HS MFJ NMO